

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Potensi nanoteknologi sumbang RM20 bilion	Utusan Malaysia
2.	Tiada lagi titik panas dikesan	KOSMO
3.	Innovation a priority in 2016 budget	New Straits Times
4.	Mahkamah: Pemeriksaan Forensik pastikan data dalam pencerobohan Lahad Datu tidak diusik	BERNAMA
5.	Pasukan penyelidik sasar hasilkan model amaran awal banjir	BERNAMA
6.	Indonesia sertai TPPA, bukan cabaran kepada Malaysia	BERNAMA

Potensi nanoteknologi sumbang RM20 bilion

Oleh NABIL BASARUDDIN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 OKT.

SEKTOR nanoteknologi berpotensi menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi utama negara pada masa akan datang apabila dijangka menjana Pendapatan Kasar Negara (GNI) sebanyak RM20 bilion menjelang tahun 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif, NanoMalaysia Bhd. (NanoMalaysia), Dr. Rezal Khairi Ahmad berkata, nanoteknologi yang akan diperkasakan melalui Pelan Tindakan Kebangsaan Graphene (NGAP) 2020 turut dijangka menghasilkan sebanyak 9,000 peluang pekerjaan dalam industri berkenaan.

Jelas beliau, sebanyak 20 hingga 30 peratus permintaan pekerjaan akan meningkat dalam sektor terabit khususnya bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pembangunan perniagaan.

Menurutnya, sehingga kini NanoMalaysia telah menjalankan sebanyak 18 projek pembangunan produk yang dilakukan sejak Julai 2014 menerusi kerjasama bersama industri dan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam meneroka perkembangan industri itu.

"Sebagai agensi teknologi nano, kita menyasarkan untuk menghasilkan sebanyak 10 projek pembangunan produk pada setiap tahun agar selaras dengan objektif utama kerajaan dalam merancakkan ekonomi melalui nanoteknologi.

"Antara segmen utama yang terlibat dalam penggunaan teknologi nano adalah elektronik dan elektrik (E&E) yang menyumbang hampir 40 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) untuk Malaysia," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) NanoMalaysia dan Lux Research di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur; Pengerusi NanoMalaysia, Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohamad Zawawi Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif Lux Research,



REZAL KHAIRI AHMAD (kiri) bertukar dokumen dengan Ketua Pegawai Eksekutif Impact Technologies, Azrai Razuan sambil disaksikan oleh Noorul Ainur Mohd. Nur (dua dari kiri) dan Dennis Philbin di Kuala Lumpur, semalam.

Sebagai agensi teknologi nano, kita menyasarkan untuk menghasilkan sebanyak 10 projek pembangunan produk pada setiap tahun agar selaras dengan objektif utama kerajaan dalam merancakkan ekonomi melalui nanoteknologi."

DR. REZAL KHAIRI AHMAD
Ketua Pegawai Eksekutif,
NanoMalaysia Bhd. (NanoMalaysia)

search, Dennis Philbin dan Pengarah Urusan Lux Research Asia Pasifik, Cort Isernhagen.

Pada majlis itu, tiga memorandum persefahaman (MoU) ditan-

datangani melibatkan tiga syarikat bagi membangunkan sektor nanoteknologi antaranya ialah USains Holding Bhd.; Koperasi Kontraktor Warisan Bhd. (KKWB) dan Ultra Impact Technologies.

Tambah Rezal, dengan bantuan dan panduan daripada NanoMalaysia, ia dijangka dapat membantu pemain industri untuk memaksimumkan peluang yang ada bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan teknologi.

"Buat masa ini, permintaan begitu menggalakkan daripada pemain industri yang meliputi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan ia juga dijangka akan menunjukkan maklum balas pasaran yang memberangsangkan," katanya.

Sementara itu, Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat lalu, turut menekankan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab teknologi yang kompetitif di rantau ini menerusi peruntukan sebanyak RM1.5 bilion kepada MOSTI.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 16
TARIKH : 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)

Hujan lebat di beberapa lokasi turut jadi penyumbang jerebu semakin pulih

Tiada lagi titik panas dikesan

Oleh AQMAR ALLADAD
dan SITI AMINAH MOHD. YUSOF

KUALA LUMPUR - Keadaan berjerebu yang melanda negara sejak Ogos lalu semakin pulih berikutan tiada kawasan titik panas yang dikesan, kata Pegawai Meteorologi Bahagian Khidmat Korporat dan Komersial Jabatan Meteorologi Malaysia, Ambun Dindang.

Ambun berkata, hujan lebat di beberapa kawasan di pantai barat dan timur Semenanjung termasuk di Sabah turut menyebabkan partikel jerebu yang terampai di udara mendap bersama air hujan.

"Jika adapun titik panas, ia amat kecil dan tidak memberi

ancaman kepada persekitaran," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Setakat pukul 8 malam semalam, tiada satu kawasan catat indeks pencemaran udara (IPU) tidak sihat.

Sementara itu, di **Shah Alam, Selangor**, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Progressive Impact Corporation Bhd. (Picorp), Johar Yusof berkata, penggunaan kaedah bacaan IPU berdasarkan pengukuran zarah pada 2.5 mikron (PM2.5) sudah boleh digunakan tidak lama lagi.

"Teknologi terbaharu itu sedia ditempatkan di 52 stesen pemantauan kualiti udara di seluruh negara bagi menaik taraf sistem ukuran PM10 yang di-



HAIRI MAAROF (dua dari kanan) membawa keluarganya beriadah di taman permainan di KLCC, Kuala Lumpur semalam.

gunakan sekarang.

"Walaupun kaedah ukuran PM10 masih relevan untuk

bacaan IPU, namun ia tidak mampu mengesan habuk halus dalam jerebu seperti yang

diterbangkan dari Indonesia," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.

Johar memberitahu, kos penyediaan alat pengukur PM2.5 itu yang menggunakan teknologi dari Amerika Syarikat adalah antara RM100,000 hingga RM200,000 sebuah.

Sementara itu di **Kota Bharu, Kelantan**, Majlis Profesor Negara (MPN) memberitahu, pihaknya bakal mewujudkan hubungan diplomasi tidak rasmi dengan negara jiran bagi menangani dan mencari penyelesaian terhadap isu sensitif seperti jerebu yang melanda beberapa negara ASEAN termasuk Malaysia.

Pengerusinya, Prof. Tan Sri Zakri Abdul Hamid berkata, MPN akan menghubungi rakan sejawatannya di negara jiran dalam masa terdekat.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (COMMENT): MUKA SURAT 16 & 17
TARIKH : 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)

Innovation a priority in 2016 Budget

CREDIT: The govt has prepared a fairly balanced budget for the coming year

THE 2016 Budget has been tabled. The positive and negative comments are expected. Some applauded the budget, while a few questioned the measures proposed. Considering the fact that it was prepared during trying times, the government deserves credit for a fairly balanced budget.

It addresses the major concerns, yet maintains a small deficit of 3.1 per cent, despite the apprehension about income. The low crude oil price has taken a toll on the nation's revenue. An average price of US\$48 (RM204) per barrel is used for the budget, meaning the income from petroleum would



(From left) Cheng Ah Hock, Mohd Nor Abdul Rahman dan S. Sinnathamby giving the thumbs up to the 2016 Budget. The budget addresses the major concerns, yet maintains a small deficit of 3.1 per cent. Pic by Mohd Azren Jamaludin

deplete significantly.

The low palm oil and rubber prices are not helping. There is hope that the dry El Nino weather will support palm oil prices. As for rubber, the mood is sceptical, especially with the slowing Chinese economy. Even

the weakening of ringgit is influenced by the Yuan devaluation.

Luckily, we have the Goods and Services Tax (GST). As gestured cynically by the prime minister, GST has become the nation's saviour, making up for the

shortfall from petroleum.

The GST income in 2016 may touch RM39 billion. This puts to rest the earlier complaints about GST. Essentially, the budget has outlined five priority targets; strengthening

→ *Continued next page*



**DR AHMAD
IBRAHIM**

Investing in 'green' research and development a must

→ From Page 16

economic resilience, increasing productivity, innovation and green technology, empowering human capital, advancing Bumiputera agenda and easing the cost of living of the rakyat.

But, for us scientists and innovation activists, the priority to increase productivity, innovation and green technology is highest on our radar. This is because we are convinced that innovation is the investment that will take the nation towards the high-income, inclusive and sustainable economy that we aspire. However, implementation is key.

The budget has proposed implementing three measures to boost productivity through innovation.

The target is to attain an annual labour productivity growth of 3.7 per cent. One is to accelerate innovation and entrepreneurship.

As the custodian of this strategy, RM1.5 billion is allocated to the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti). And, in 2016, the ministry will anchor the Malaysia Commercialisation Year initiative.

Small- and medium-scale enterprises (SMEs) are the principal target for productivity increase since they contribute significantly towards job growth.

The budget has proposed that for those SMEs spending up to RM50,000 on research and development (R&D) projects, they can claim double tax deduction automatically.

The Malaysian Innovation Agen-

cy, which promised the world in R&D commercialisation when first formed, is given RM100 million.

A recent addition to the innovation ecosystem, MaGIC (Malaysian Global Innovation & Creativity Centre), has been getting rave reviews from the media, gets RM35 million. While another new initiative, the Public-Private Research Network, is allocated RM50 million to accelerate demand-driven innovation.

These allocations confirm that the government is serious about innovation.

The construction industry was also featured highly in the 2016 Budget.

With the recent research by Khazanah highlighting the declining housing affordability issue, the budget gives clear signals to the industry

that it has to change and embrace the deployment of new cost efficient technologies.

One which stands out for mention is the Industrialised Building System (IBS). More companies will be asked to adopt the IBS technology.

For this, an IBS Promotion Fund of RM500 million will be set aside to provide soft loans to developers and contractors.

This should lead to the adoption of sustainable construction as is advocated in the recently launched Construction Industry Master Plan by the Construction Industry Development Board.

In a world where the depletion of resources is very much evident, green and sustainable practices have definitely caught on.

Green technology is the way to go

if the country is to carve a slice of the global expansion in the green economy. This is where the Energy, Green Technology and Water Ministry will take the lead. The government targets to reduce the intensity of greenhouse gas emissions to 40 per cent of gross domestic product in 2020.

But, in pursuing the green business, we should avoid repeating the mistakes made when the nation ventured into electrical and electronics.

We should not neglect to invest in R&D and technology development and design, as well as branding. Otherwise, we will only get the crumbs of the green economy!

The writer is a Fellow at Academy of Sciences Malaysia



Mahkamah: Pemeriksaan Forensik Pastikan Data Dalam Pencerobohan Lahad Datu Tidak Diusik

KOTA KINABALU, 28 Okt (Bernama) -- Seorang pengurus keselamatan siber memberi jaminan bahawa data yang terkandung di dalam barang kes pencerobohan Lahad Datu tidak diusik semasa pemeriksaan forensik siber dijalankan, Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Fauzi Mohd Darus daripada CyberSecurity Malaysia berkata beliau menggunakan alat dikenali sebagai 'write blocker' bagi memastikan data di dalam barang kes itu tidak diubah, dipadam atau diganggu.

"Fungsi 'write blocker' adalah untuk menghalang sebarang pengubahan yang akan dilakukan ke atas barang kes.

"Ia hanya digunakan untuk proses pengimejan barang kes seperti cakera keras dan kad memori," katanya.

Fauzi disoal balas peguam Majnah Abdillah dalam perbicaraan 30 individu yang dikaitkan dengan pencerobohan oleh kumpulan lelaki Sulu bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada Februari 2013.

Saksi itu juga berkata beliau menggunakan alat forensik dikenali sebagai EnCase ke atas barang kes untuk menjana nilai 'hash' yang menentukan keaslian sesuatu bahan bukti.

Sebanyak 27 warga Filipina dan tiga penduduk tempatan menghadapi antara satu dan beberapa pertuduhan iaitu menjadi anggota kumpulan pengganas serta melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga didakwa merekrut anggota untuk kumpulan pengganas atau sengaja melindungi individu yang mereka tahu adalah anggota kumpulan pengganas.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara 12 Feb dan 10 April, 2013.

Perbicaraan di hadapan Hakim Stephen Chung yang berlangsung di Jabatan Penjara Sabah bersambung esok.

-- BERNAMA



Pasukan Penyelidik Sasar Hasilkan Model Amaran Awal Banjir

ALOR SETAR, 28 Okt (Bernama) -- Satu pasukan penyelidik diketuai oleh pakar-pakar daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) dan beberapa universiti tempatan lain menyasarkan untuk membangunkan satu model bagi mengeluarkan amaran awal dan pengurangan risiko bencana banjir.

Ketua pasukan penyelidik itu Prof Dr Ku Ruhana Ku Mahamud berkata, kajian yang turut disertai pakar-pakar daripada universiti tempatan lain telah bermula pada 2012 dan dijangka berakhir tahun depan serta menelan belanja RM5 juta.

"Pasukan menyasarkan untuk membangunkan satu model bagi mengeluarkan amaran awal dan pengurangan risiko bencana banjir."

Ini termasuk merangka model ramalan untuk taburan hujan, model ramalan untuk paras air sungai dan membina model keputusan operasi takungan untuk tebatan banjir serta membangunkan sistem amaran awal banjir," katanya di dalam satu kenyataan di sini Rabu.

Ku Ruhana daripada Pusat Pengajian Pengkomputeran UUM, kajian itu akan membantu menghasilkan idea dan teori baru dalam menguruskan situasi kecemasan di negara ini.

Pengurusan banjir menurutnya terdiri daripada empat fasa umum termasuk pengurangan, persediaan, tindak balas dan pemulihan.

Pasukan penyelidik katanya, mendapat kerjasama daripada agensi-agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Meteorologi dan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk menangani isu-isu berkaitan dengan pengurusan bencana banjir.

Menurut Ku Ruhana, pengurusan banjir memerlukan pengkongsian ilmu dan penyelarasan antara pihak-pihak berkepentingan.

Kajian itu turut disertai rakan usahasama dari enam universiti lain iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Katanya, hasil kajian oleh pasukan penyelidik akan dikongsi dalam 60 artikel jurnal selain bakal menghasilkan tiga harta intelek.

Prof Madya Dr Fauziah Baharom daripada UUM yang menyelia pelaksanaan projek daripada perspektif Kejuruteraan Perisian, Rangkaian dan Sistem Maklumat Geografi berkata, pengurusan banjir saling bergantung antara satu sama lain.

Komunikasi dan penyaluran maklumat yang boleh dipercayai, kata beliau, sangat diperlukan untuk memudahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) membuat keputusan yang melibatkan kawasan dilanda banjir.

Prof Dr Mohd Zaini Karim dari Pusat Pengajian Ekonomi UUM pula berkata, pendekatan sistematik dalam pengiraan kerugian secara langsung dan tidak langsung akibat bencana banjir adalah amat sesuai.

"Oleh itu, satu model ramalan ekonomi akan dibangunkan untuk mengkaji kesan bencana banjir terhadap ekonomi, risiko kewangan dan prestasi ekonomi makro," katanya.

Kenyataan hari ini turut berkata, Bank Dunia menganggarkan 29,800 kilometer per segi Malaysia telah dilanda banjir setiap tahun yang memberi kesan hampir kepada lima juta penduduk dengan ganti rugi mencecah lebih RM1.2 bilion (USD300 juta).

-- BERNAMA



Indonesia Sertai TPPA, Bukan Cabaran Kepada Malaysia, Kata Mustapa

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Rancangan Indonesia untuk menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) bukan cabaran kepada Malaysia, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

"Ini bukan cabaran kepada kami kerana kami mahu melihat lebih banyak halangan perdagangan dapat dikurangkan," katanya selepas majlis Anugerah Halal Hi-Tech Challenge 2015 di sini hari ini.

Beliau berkata jika halangan perdagangan dan pelaburan dapat dikurangkan, lebih baik mempunyai banyak negara terlibat dalam perjanjian perdagangan bebas itu.

Ditanya bila teks TPPA akan dibahaskan di Parlimen, Mustapa berkata ia akan didedahkan kepada umum dan dibentangkan di Parlimen selepas beberapa isu teknikal diselesaikan.

Mengenai peruntukan RM100 juta kepada Agensi Inovasi Malaysia, Mustapa berkata ia merupakan langkah kerajaan untuk menuju ke hadapan dan mencapai status negara berpendapatan tinggi.

"Jika mahu menjadi negara maju, kita perlu berinovasi untuk meningkatkan produktiviti," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Mustapa berkata empat inisiatif telah dilaksanakan untuk menerapkan amalan inovasi dalam kalangan syarikat Malaysia, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Inisiatif tersebut ialah Institut Fraunhofer, antara institusi penyelidikan terbesar Eropah dan [Sirim](#) akan menjalankan audit teknologi untuk membantu syarikat meningkatkan proses mereka.

Kedua, Institut Steinbeis yang berpangkalan di Jerman akan menggunakan rangkaian pakarnya di Malaysia dan di luar negara untuk membantu syarikat terpilih meningkatkan teknologi dan produk mereka.

"Platform pengkomersialan teknologi Malaysia, PlaTCOM Ventures Sdn Bhd, akan memudahkan pemindahan teknologi daripada universiti Malaysia dan institut penyelidikan kepada syarikat yang mahu mengkomersialkan aplikasi baharu.

Sementara itu, lapan pemenang PKS diberikan Anugerah Halal Hi-Tech Challenge 2015 dan menerima geran berjumlah RM3 juta untuk menyokong pembangunan inovasi mereka.

Mereka akan menerima perkhidmatan fasilitasi yang menyeluruh daripada PlaTCOM yang termasuk akses kepada infrastruktur, kepakaran teknikal, pensijilan, khidmat nasihat perniagaan dan perkhidmatan lain.